

# ISU SAUDARA BARU DALAM MEDIA ISLAM

Oleh:  
Nor Raudah Siren

## Abstract

*This article deals with issues concerning Muslim converts based on four Islamic magazines, i.e al-Islam, Dakwah, Ummi and Cahaya. The purpose of this article is to provide Muslim readers, researchers and da'i an information about Muslim converts, their problems and needs.*

## PENGENALAN

Firman Allah SWT (bermaksud):

*“Pada hari ini telah Aku sempurnakan untuk kamu agamamu. Aku telah mencukupkan nikmat-Ku kepada kamu dan Aku redha Islam itu menjadi agamamu.” (Surah Al-Mā'idah: 3).*

Islam adalah agama yang sempurna yang menjamin kehidupan manusia di dunia dan akhirat. Jika memilih Islam sebagai agama, maka seluruh kehidupan sama ada zahir atau batinnya mestilah mengikut kehendak dan panduan Islam. Islam merupakan agama yang ajarannya perlu diamalkan secara keseluruhan, bukan hanya mengambilnya berdasarkan keperluan. Oleh itu, seseorang yang menerima Islam sebagai anutannya perlu bersedia dan mempelajari bersungguh-sungguh ajarannya. Semoga Islam yang telah disempurnakan oleh Allah sebagai agama manusia akan terus berkembang dengan baik dan dimuliakan.

Saudara baru adalah masyarakat Islam yang dimuliakan di sisi Allah yang memerlukan bimbingan dan keprihatinan bagi memantapkan lagi keimanan dan keyakinan mereka terhadap agama baru yang mereka anuti. Untuk menjamin kehidupan yang selesa di kalangan saudara baru untuk sama-sama menunaikan tanggungjawab sebagai masyarakat Islam, masyarakat Islam yang sedia ada perlu memahami, membantu, membimbing, peka dan menunaikan hak mereka sebagai saudara baru. Allah telah berfirman yang bermaksud:

*“Tolong-menolonglah kamu dalam mengerjakan perbuatan baik dan memelihara diri (dari kesalahan) dan janganlah kamu tolong-menolong dalam mengerjakan dosa dan pelanggaran hukum.”  
(Surah al-Mā'idah: 2)*

Bagi menyedarkan masyarakat umum tentang kepayahan dan masalah yang diharungi oleh saudara baru, media merupakan wadah utama dalam mengambil peranan mengenengahkan isu-isu tentang saudara baru bagi menyedarkan dan membentuk masyarakat yang prihatin serta penyayang.

Media, terutamanya media Islam yang berfungsi sebagai suatu alat untuk menghubungkan maklumat Islam daripada pemberi kepada penerima perlu bergerak lebih efektif dalam usaha menangani permasalahan saudara baru kerana wadahnya yang lebih berfungsi sebagai media dakwah Islamiah.

## **ISU SAUDARA BARU DALAM MEDIA ISLAM**

Menyentuh tentang media Islam dan isu saudara baru, kajian ini tertumpu kepada empat buah majalah Islam yang terkenal di Malaysia dalam dekad ini, iaitu majalah Al-Islam, Majalah Dakwah, Majalah Cahaya dan Majalah Ummi. Majalah ini meliputi majalah untuk umum (al-Islam dan Dakwah), untuk remaja (Cahaya) dan untuk keluarga (Ummi). Media Islam yang prihatin terhadap saudara baru, pastinya akan menjadi sandaran dan meluahkan harapan mereka bagi memenuhi tuntutan dan keperluan dalam usaha meningkatkan pengetahuan agama yang mereka anuti. Malah wadah Islam yang dibawa oleh media Islam akan mampu membuka minda masyarakat tentang tanggapan mereka terhadap saudara baru. Malah Allah berjanji dalam firmanNya yang bermaksud:

*“Hai orang yang beriman! kalau kamu menolong agama Allah, nescaya Allah akan menolong kamu dan mengukuhkan tegakkan kamu”  
(Surah Muḥammad: 7)*

### **1. Isu Saudara Baru dalam Majalah Al-Islam 1990-1999**

Al-Islam merupakan majalah yang paling lama bertahan dalam perkembangan media Islam di Malaysia. Majalah ini diterbitkan sejak tahun 1973 lagi. Ini bermakna, Al-Islam mempunyai peminat dan pembaca yang meluas di kalangan masyarakat Malaysia terutama masyarakat Islam itu sendiri.

Usaha Al-Islam ke arah memartabatkan saudara baru amat ketara apabila terdapat banyak artikel mengenai saudara baru di sepanjang tahun 90-an;

Jadual 1: Isu Saudara Baru dalam *Al-Islam* Tahun 1990-1999

Tahun	1990	1991	1992	1993	1994	1995	1996	1997	1998	1999
Jum. Isu	1	1	0	1	3	2	5	3	2	8

Di awal 90-an, isu saudara baru kurang diketengahkan oleh *Al-Islam*. Walau bagaimanapun antara isu yang dibawa pada awal tahun 90-an iaitu antara tahun 1990 hingga 1993 ialah tentang keislaman dan hidayah yang diterima oleh saudara baru seperti kisah Yusof Islam (1991) dan statistik tentang saudara baru di Malaysia mengikut negeri (1993).

*Al-Islam* mula memperlihatkan kesungguhannya pada tahun 1996 apabila terdapat fokus khas tentang tinjauan dan permasalahan saudara baru di kalangan orang asli di Bukit Lanjan pada bulan Mac 1996. Isu tersebut meluahkan rasa terkilan dan kepayahan yang mereka perlu lalui semasa menjadi saudara baru. Pada tahun 1996 ini juga, majalah *Al-Islam* mengenengahkan beberapa orang saudara baru untuk berkongsi pengalaman sebagai saudara baru seperti Harun Coombes Abdullah (Ketua bahagian seni dan budaya di Islamic Outreach-ABIM), dan Muhammad Fitri Abdullah (Ketua Pengerusi Islamic Outreach-ABIM). Malah *Al-Islam* turut mengenengahkan beberapa badan yang menjaga kebajikan saudara baru seperti Outreach-ABIM, Perkim dan Muslim Convert Assosiation (MCA) di Singapura.

*Al-Islam* semakin menerima hakikat bahawa saudara baru perlu ditangani dengan sebaik-baiknya bagi meningkatkan pengetahuan, keimanan dan keyakinan saudara baru itu sendiri terhadap pegangan Islam mereka. Ini terbukti apabila pada tahun 1999, ruangan *Hidayah Ilahi* disediakan khas untuk menyelusuri permasalahan dan harapan saudara-saudara baru melalui pengalaman saudara baru sama ada sebelum Islam, semasa memeluk Islam atau penghidupan mereka kini.

## 2. Isu Saudara Baru dalam Majalah *Dakwah* 1990-1999.

Majalah *Dakwah* merupakan majalah yang bertujuan untuk menyampaikan misi dakwah Yayasan Dakwah Islam Malaysia (YADIM). Majalah ini telah diterbitkan sejak tahun 1977. Majalah ini banyak mengalami suka duka dan jatuh bangunnya dalam usaha menyampaikan risalah Allah, namun kerana sokongan penulis dan pembaca, majalah ini masih mampu terus bertapak.

Walaupun bagaimanapun, majalah *Dakwah* kurang memberi perhatian kepada isu saudara baru terutama di tahun-tahun 90-an.

Jadual 2: Isu Saudara Baru dalam Majalah *Dakwah* Tahun 1990-1999

Tahun	1990	1991	1992	1993	1994	1995	1996	1997	1998	1999
Jum. Isu	1	1	1	4	2	0	1	0	1	1

Majalah yang menyumbang ke arah kemantapan ilmu Islam ini hanya mengemukakan satu isu saudara baru pada hampir setiap tahun dan tidak mengemukakan sebarang isu saudara baru pada tahun 1995 dan 1997. Pada tahun 1993, isu mengenai saudara baru agak ditonjolkan dengan mengemukakan empat (4) isu melalui ruangan Berita.

Antara isu yang dikemukakan pada tahun 1993 ialah tentang Majlis Pengislaman Orang Asli Wilayah Persekutuan dan Selangor anjuran Unit Rohaniah Orang Asli di Ruang Legar Pusat Islam, Kuala Lumpur pada 3hb. September 1992 dan tentang tauhid dan hidayah yang diterima oleh orang asli sehingga menerima Islam sebagai agama anutan.

Kurangnya isu saudara baru dalam majalah *Dakwah* dan hanya mengemukakan isu saudara baru sebagai halaman berita sahaja menunjukkan majalah ini kurang memberi perhatian terhadap permasalahan saudara baru, yang memerlukan perbincangan secara serius terutama dalam meningkatkan keberkesanan dakwah terhadap orang bukan Islam.

### 3. Isu Saudara Baru dalam Majalah *Cahaya* 1990-1999

Majalah *Cahaya* merupakan majalah untuk tatapan remaja yang diterbitkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sejak tahun 1989. Walaupun usia majalah ini masih muda, namun isu yang dikemukakan mampu menarik minat pembaca remaja yang sememangnya memerlukan bahan bacaan yang boleh membimbing mereka untuk memahami Islam.

Jadual 3: Isu Saudara Baru dalam Majalah *Cahaya* Tahun 1990-1999

Tahun	1990	1991	1992	1993	1994	1995	1996	1997	1998	1999
Jum. Isu	0	0	0	0	0	0	0	0	2	3

### Isu Saudara Baru Dalam Media Islam

Memandangkan majalah Cahaya diterbitkan empat kali setahun dan dalam usia yang terlalu muda majalah ini tidak membincangkan isu saudara baru dalam penerbitannya. Walau bagaimanapun, pada tahun 1998, isu saudara baru mula mendapat tempat dalam majalah ini apabila satu ruangan khas disediakan untuk tujuan tersebut, iaitu ruangan *Sinar Iman*.

Ruangan khas ini hanya sekadar memperlihatkan atau menyatakan permasalahan yang dihadapi oleh saudara baru dan bagaimana mereka mendapat taufik dan hidayah Allah tanpa cuba menangani atau memberi cadangan-cadangan bagi menyelesaikan permasalahan tersebut. Ini bermakna segala permasalahan yang dihadapi oleh saudara baru perlu ditangani oleh mereka sendiri dengan kemahuan dan kekuatan mereka sendiri.

Walaupun begitu usaha majalah Cahaya merupakan satu peluang kepada saudara baru untuk berkongsi pengalaman bagi tatapan pembaca dan renungan umat Islam seluruhnya supaya memahami dan prihatin terhadap permasalahan saudara baru serta menyokong kelahiran mereka sebagai saudara seagama.

#### 4. Isu Saudara Baru dalam Majalah *Ummi* 1990 - 1999

Majalah *Ummi* merupakan majalah kekeluargaan Islam yang berusaha untuk mencapai hasrat dan cita-cita ke arah pembentukan keluarga Islam yang cemerlang.

Majalah yang diterbitkan sejak tahun 1983 ini merupakan wadah yang begitu baik dalam memaparkan isu-isu kekeluargaan dan isu semasa. Isu tentang Saudara baru juga turut menjadi tempat dalam ruangan majalah *Ummi* terutama dalam ruangan *Personaliti, Sejenak Bersama, Warna-warna Kehidupan* dan *Rentak Hidup*.

Jadual 4: Isu Saudara Baru dalam Majalah *Ummi* Tahun 1990-1999

Tahun	1990	1991	1992	1993	1994	1995	1996	1997	1998	1999
Jum. Isu	0	2	2	0	2	0	1	1	0	1

Suka duka kehidupan saudara baru merupakan antara kandungan rencana dalam majalah *Ummi*. Walaupun tidak banyak tetapi hampir setiap tahun, majalah ini mengemukakan isu saudara baru kecuali tahun 1993, 1995 dan 1998. Melalui pendedahan kisah saudara baru seperti Marina Ng, Yahya Van Keulen, Dr. Amina Wadud dan Ustaz Mohd. Hussein Yee Abdullah akan mampu membangkitkan rasa tanggungjawab umat Islam lain bagi mendapatkan pengertian tentang makna sebuah persaudaraan Islam.

## **b) Mengapa Memeluk Islam**

Rata-rata media Islam yang dikaji merungkai rahsia saudara baru dalam mengenal dan tertarik dengan Islam. Islam yang syumul, mampu menarik perhatian orang bukan Islam, jika mereka menerima pendedahan secara positif tentang Islam. Faktor tarikan saudara baru ini penting untuk dikaji oleh para pendakwah bagi memantapkan lagi usaha mereka dalam kerja dakwah. Antara sebab-sebab saudara baru memilih Islam sebagai cara hidup mereka yang dipaparkan oleh media Islam yang dikaji ialah;

### **1. Pendedahan sejak dari kecil/ Dorongan Keluarga**

Kelahiran dalam suasana keluarga muallaf atau saudara baru juga mendorong seseorang untuk terus kekal dalam agama Islam yang dianuti oleh ibu bapa mereka. Ini kerana dengan Islamnya ibubapa mereka, mereka hidup dalam situasi harmoni dan tenang, malah ibu bapa mereka turut menggalakkan mereka menerima Islam sebagaimana mereka menerima Islam. Antara saudara baru yang memilih Islam atas dorongan keluarga ialah Nazery Johari Abdullah,<sup>1</sup> Musa Adam<sup>2</sup> dan Hassan.<sup>3</sup>

### **2. Pergaulan**

Pergaulan dengan rakan-rakan yang beragama Islam sedikit sebanyak mampu mempengaruhi seseorang yang bukan Islam menerima Islam. Pergaulan yang sihat, mengikuti aktiviti bersama dan dengan nasihat serta dorongan daripada rakan sebaya beragama Islam, mampu meleburkan hati yang sedia mudah dilentur. Contohnya apabila hidup serumah dengan rakan beragama Islam, mereka akan berasa terasing terutama sewaktu rakan serumah bersembahyang. Oleh itu, apabila dapat bersembahyang bersama seperti rakan-rakan yang lain, hatinya menjadi gembira dan mula menerima Islam untuk diterima dalam kumpulan rakan-rakan mereka.

Malah melalui pergaulan sejak remaja, saudara baru dapat menerima Islam sebagai agama anutan yang disanjung kerana sifatnya yang jelas tentang konsep ketuhanan dan persoalan tauhidnya. Antara saudara baru yang menerima Islam kerana nasihat dan dorongan rakan sebaya ialah Muhammad Lua Ridha (Lua Keong Tat),<sup>4</sup> Mohd. Amir Abdullah<sup>5</sup> dan Amina Wadud Muhsin.<sup>6</sup>

---

<sup>1</sup> *Al-Islam*: Mei 1999

<sup>2</sup> *Al-Islam*: Mac 1994

<sup>3</sup> *Dakwah*: Disember 1993

<sup>4</sup> *Al-Islam*: April 1999

<sup>5</sup> *Dakwah*: Disember 1993

<sup>6</sup> *Ummi*: Oktober 1991

### 3. Pembacaan

Media merupakan antara wadah yang paling berpengaruh dalam kehidupan manusia. Pembacaan yang boleh menyentap perasaan dan kekaguman yang dirasakan terhadap tokoh-tokoh Islam, telah mampu mendorong seseorang bukan Islam berminat untuk mengetahui tentang Islam. Tokoh-tokoh Islam seperti Hamka, Syed Muhammad Naquib al-Attas, Ustaz Uthman Muhammady, Imam Al-Ghazali, Saidina Umar al-Khattab dan sebagainya merupakan tokoh-tokoh yang mampu mencetuskan keimanan yang tidak berbelah bahagi kepada Islam. Antara saudara baru yang memeluk Islam melalui pembacaan tentang Islam ialah Abdul Halim Abdullah,<sup>7</sup> Mohd. Sharizwan Kang Abdullah<sup>8</sup> dan Mohd. Hussein Yee Abdullah.<sup>9</sup>

### 4. Ketakjuban

Tidak banyak kisah ketakjuban yang boleh menarik orang bukan Islam terhadap Islam yang dipaparkan oleh media Islam. Walau bagaimanapun, terdapat kisah pengislaman seorang General Russia (Anatole Andereyotsh)<sup>10</sup> yang memeluk Islam kerana ketakjubannya dengan kekuatan tentera Islam yang diperangi walaupun tentera Islam kekurangan senjata. Ketakjuban tersebut memaksanya mengetahui banyak perkara tentang Islam dan mendapati dirinya menemui pegangan yang selama ini hilang daripada dirinya, iaitu agama.

### 5. Perkahwinan

Perkahwinan dengan orang Islam atau saudara baru juga antara faktor penarik kepada seseorang untuk memilih Islam. Malah sejarah perkembangan Islam di Alam Melayu tersebar daripada perkahwinan, terutama perkahwinan sultan atau pemerintah.

Terdapat juga orang bukan Islam yang rela memeluk Islam bukan kerana cinta sahaja tetapi dengan kerelaan hati dan keinginan mereka yang kuat untuk mengetahui tentang Islam. Antaranya ialah kisah Kartinah Koh,<sup>11</sup> Afrah al-Shaibani,<sup>12</sup> Norizan Abdullah<sup>13</sup> dan Bidah Ghani.<sup>14</sup>

---

<sup>7</sup> *Al-Islam*: Mei 1999

<sup>8</sup> *Al-Islam*: November 1999

<sup>9</sup> *Ummi*: Oktober 1992

<sup>10</sup> *Dakwah*: Januari 1992

<sup>11</sup> *Al-Islam*: September 1996

<sup>12</sup> *Cahaya*: Bil 2, 1999

<sup>13</sup> *Al-Islam*: Mac 1996

<sup>14</sup> *Al-Islam*: Mac 1996

## 6. Pencarian

Ramai di kalangan saudara baru memilih Islam kerana merasakan ajaran agama lain tidak sesuai dengan jiwanya. Malah mereka merasakan agama yang dianuti oleh nenek moyang mereka tidak masuk akal lalu mereka berusaha mencari kebenaran dan kepercayaan yang meyakinkan. Semasa dalam pencarian menemukan kebenaran, mereka menemui Islam dan meyakini kesyumulannya. Lalu dengan kerelaan hati dan kesungguhan mempelajari Islam, menjadikan mereka saudara baru dalam Islam.

Bila memeluk Islam, mereka dapati hanya agama Islam yang mampu memberikan ketenangan dan berasa selamat di dunia dan di akhirat serta kehidupan mereka sudah mempunyai matlamat yang jelas. Antara saudara baru tersebut ialah kisah Ridhuan Tee (Tee Chuan Seng),<sup>15</sup> Mohd. Dharmalingam,<sup>16</sup> Nurfadhillah Abdullah<sup>17</sup> dan Drs. Haji Alifuddin El-Islamy (Sim Song Thian).<sup>18</sup>

## 7. Kajian

Ramai di kalangan saudara baru yang memeluk Islam kerana usahanya yang mengkaji agama dan membuat perbandingan dengan agamanya yang asal. Mereka berusaha mencari kebaikan dan keburukan bagi mencari sesuatu kebenaran dan keadilan. Persamaan hak dan perlindungan hak dalam Islam merupakan faktor utama mereka menemui jalan Islam kerana tiada agama lain yang memberi perlindungan dan meningkatkan martabat penganutnya tanpa mengira kaum, bangsa dan jantina. Antara saudara baru yang tertarik dengan Islam dengan membuat perbandingan dan kajian ialah Sister Noor,<sup>19</sup> Michael Yip,<sup>20</sup> Cat Steven (Yusof Islam)<sup>21</sup> dan Johannes Van Keulan.<sup>22</sup>

## 8. Mimpi

Mimpi merupakan anugerah Allah yang paling menakjubkan kerana melaluinya seseorang yang bukan Islam menemui hidayahnya untuk memeluk agama Islam. Walau bagaimanapun, tidak banyak kisah yang memaparkan mimpi sebagai faktor

---

<sup>15</sup> *Al-Islam*: Julai 1994

<sup>16</sup> *Al-Islam*: Disember 1994

<sup>17</sup> *Dakwah*: Januari 1993

<sup>18</sup> *Al-Islam*: Mac 1999

<sup>19</sup> *Cahaya*: Bil.3. 1998

<sup>20</sup> *Cahaya*: Bil. 4, 1998

<sup>21</sup> *Al-Islam*: Oktober 1991

<sup>22</sup> *Ummi*: Mac 1991



hidayah seseorang saudara baru, namun ia menjadi faktor kekuatan Islam dan pertolongan Allah selepas wahyu. Antara saudara baru yang Islam kerana mimpi ialah Simpol Yahya dan Hasnah Resat,<sup>23</sup> Azrun Arumainayagam Abdullah<sup>24</sup> dan Harun Coombes Abdullah.<sup>25</sup>

### c) Permasalahan Saudara Baru dalam Media Islam

Melalui kajian dan penelitian terhadap isu dalam media Islam yang dikaji, berbagai-bagai permasalahan yang dihadapi oleh saudara baru sama ada sebelum memeluk Islam atau semasa memeluk Islam. Dugaan dan cabaran yang perlu mereka hadapi tersebut mampu menimbulkan keterharuan dan keinsafan pembaca terhadap kepayahan mereka memeluk Islam berbanding masyarakat yang sedia lahir dalam Islam. Antara cabaran dan tentangan yang dihadapi oleh saudara baru yang diketengahkan oleh saudara baru ialah;

#### 1. Tentangan Keluarga.

Keluarga merupakan orang yang paling hampir dengan seseorang. Ikatan kekeluargaan yang disatukan oleh satu pegangan agama pastinya akan tergugat bila seseorang ahli keluarga cuba keluar daripada pegangan nenek moyang mereka. Malah keseluruhan saudara baru menerima nasib yang sama apabila menyuarakan hasrat untuk memeluk Islam. Rata-rata keluarga mereka akan menentang pada awalnya. Tetapi demi kasih dan ikatan kekeluargaan yang umpama air yang cuba dicincang pastinya akan meleburkan hati ibubapa yang melahirkannya. Malah sifat pengasih dan akhlak terpuji yang ditunjukkan oleh saudara baru selepas memeluk Islam, menjadikan ibu bapa mereka redha dengan agama pilihan anak mereka.

“Masalah sosial yang sering dihadapi oleh saudara baru ialah tekanan keluarga supaya kembali kepada agama asal mereka. Ini ditambah pula tanggapan bahawa setiap saudara baru akan memutuskan hubungan kekeluargaan kerana memilih Islam”.<sup>26</sup>

#### 2. Salah Tanggap Masyarakat Islam.

Perkara yang begitu menyedihkan dan menghampakan saudara baru ialah sikap masyarakat Islam sendiri yang sentiasa salah sangka terhadap mereka. Mereka sering

---

<sup>23</sup> *Al-Islam*: Mei 1998

<sup>24</sup> *Al-Islam*: November 1998

<sup>25</sup> *Al-Islam*: April 1996

<sup>26</sup> Dr. Abdul Manaf Ali, (Pengerusi Islamic Outreach-ABIM), *Dakwah*, February 1991, hal. 16

disisih dan belum diiktiraf untuk duduk bersama-sama dalam satu majlis keagamaan. Malah yang paling mengharukan kisah saudara baru yang dihalau dari masjid semata-mata hendak mendalami agama Islam.

“Mereka menghina saya dan mengkritik saya. Saya tidak pernah dihina oleh orang saya sendiri, tetapi selepas memeluk Islam, saya dihina oleh orang Islam sendiri,” katanya.<sup>27</sup>

### **3. Layanan Pegawai Jabatan Agama Islam atau badan Islam.**

Terdapat juga aduan saudara baru dalam media Islam yang mengatakan tidak mendapat layanan yang sepatutnya daripada pegawai Jabatan Agama Islam ketika menyatakan hasrat hendak memeluk Islam. Keadaan tersebut tidak sepatutnya berlaku di kalangan pegawai Jabatan Agama Islam kerana mereka adalah orang yang dipercayai dan dijadikan tempat rujukan saudara baru yang paling utama.

Keikhlasan pegawai Jabatan Agama Islam dalam usaha menerima saudara baru perlu ditunjukkan walaupun terpaksa menghadapi banyak tugasan. Ini kerana niat saudara baru adalah niat yang paling besar dalam menegakkan kalimah Allah di muka bumi ini. Ini kerana orang yang ingin memeluk Islam perlukan sokongan, dorongan dan tunjuk ajar yang jelas.

“Di hadapan seorang pegawai di ibu pejabat badan itu, saya menceritakan hasrat ingin memeluk agama Islam. Malangnya, pegawai tersebut meminta saya mengucap dua kalimah syahadah. Saya kehairanan dan bertanya semula apakah dua kalimah syahadah? Pegawai tersebut kelihatan tidak senang dan menyuruh saya balik dan belajar mengenainya”.<sup>28</sup>

### **4. Ditinggalkan tanpa bimbingan**

Dakwah Islam ke atas orang asli menjadi tumpuan badan-badan dakwah yang ada di Malaysia seperti YADIM, Al-Arqam (kini diharamkan), ABIM dan sebagainya. Tetapi, malangnya selepas mengucap dua kalimah syahadah secara beramai-ramai dan sedikit suruhan serta larangan dalam Islam mereka ditinggalkan tanpa panduan lengkap tentang kehidupan sebagai seorang Islam.

Kebanyakan orang asli yang memeluk Islam, mahu mendalami Islam dan menjalani kehidupan sebagai seorang Islam yang sejati. Tetapi apabila bimbingan dan panduan tidak diberikan mereka meneruskan penghidupan seperti sebelum Islam.

---

<sup>27</sup> Ustaz Mohd. Hussein Yee Abdullah, *Ummi*, Oktober 1992, hal. 32.

<sup>28</sup> Rentak Hidup, *Ummi*, Mei 1994, hal. 60.

Apapun, mereka adalah saudara baru yang tidak begitu terdedah kepada cara hidup selain kaum sendiri. Tanggungjawab mengubahnya terletak pada pihak-pihak yang mengislamkan mereka. Malangnya usaha mendekati dan memberi ilmu secara berterusan kepada penduduk pedalaman yang baru memeluk Islam agak mendukacitakan. Lebih menyedihkan lagi ialah pihak yang dahulu mengislamkan mereka dengan menabur pelbagai janji tidak lagi muncul untuk mengotakannya.<sup>29</sup>

#### d) Harapan Saudara Baru

Keseluruhan saudara baru mempunyai harapan yang tinggi untuk menjadi seorang muslim yang sejati. Mereka mahu berusaha mendalami dan mengikut ajaran Islam sepenuhnya.

“Dia akur, apabila memeluk agama Islam, dia bukan setakat berubah pada agama atau nama. Lebih daripada itu, dia bertanggungjawab memelihara kehormatan agama Islam dan dirinya sebagai Muslimat. Baginya, jika ingin menjadi muslimah sejati, dia haruslah mengikut ajaran Islam dengan sebenar-benarnya. Dan Hidayah masih berusaha keras ke arah itu”.<sup>30</sup>

Selain untuk mempertingkatkan ilmu Islam dalam dirinya, mereka juga ingin berdakwah dan menyebarkan agama Islam kepada kaum keluarga dan sahabat handai mereka tentang keindahan agama Islam yang mereka anuti.

“Islam saya bukan pada nama dan kepentingan diri sahaja, tetapi saya mempraktikkannya dan bertanggungjawab pula menyebarkan kebenaran agama ini, supaya semua orang tanpa mengira bangsa beroleh cara hidup yang dijamin kebahagiaannya dalam mengisi keperluan fizikal dan mental mereka,” tegas Fadzuli.<sup>31</sup>

Mereka juga berharap orang Islam sendiri menerima mereka sebagai saudara seagama tanpa sebarang prejudis. Ini kerana tanpa sokongan moral daripada masyarakat Islam, mereka akan terasa terpinggir. Masyarakat Islam perlu ikhlas menerima mereka sebagai saudara mereka tanpa mengira kaum, kulit, pangkat dan darjat.

---

<sup>29</sup> Tinjauan, *Al-Islam*, Julai 1996, hal. 59.

<sup>30</sup> Fokus, *Al-Islam*, April 1999, hal. 26.

<sup>31</sup> Fokus, *Al-Islam*, September 1996, hal. 21.

“Akibatnya, kata beliau, kita tidak dapat menerima apabila orang dari bangsa lain masuk Islam. Kita sering mempertikaikan keikhlasan mereka memeluk Islam. Apa pun tujuan mereka memeluk Islam, yang penting selepas itu, mereka membentuk diri menjadi Muslim yang sebenar”.<sup>32</sup>

## KESIMPULAN

Hasil tinjauan dan kajian terhadap media Islam dan bagaimana media ini menangani permasalahan saudara baru, isu ini masih agak terpinggir. Rata-rata media Islam bagi melepas batuk ditangga dalam usaha menangani masalah saudara baru yang sepatutnya mendapat perhatian dan bimbingan daripada media Islam yang menjadi wadah dan rujukan umat Islam.

Jika media Islam sendiri tidak prihatin dengan permasalahan saudara baru, bagaimana mungkin media yang lain terutama media elektronik yang semakin meluas dan mampu mempengaruhi minda masyarakat Islam.

Berapa ramai orang Islam telah murtad akibat kelalaian media dalam mempengaruhi minda masyarakat ke arah kemantapan iman. Berapa ramai pula orang bukan Islam mendapat nur hidayahnya untuk menerima Islam sebagai agama keyakinannya. Media Islam yang berusaha memberi bimbingan dan panduan ke arah kecemerlangan kefahaman Islam merupakan satu tanggungjawab yang perlu ditunaikan bagi menjamin kemantapan dan keteguhan iman umat Islam.

Saudara Baru yang mempunyai kedudukan yang tinggi dan mulia di sisi Allah iaitu bagaikan bayi yang baru lahir, perlu dididik dan dibimbing jiwanya dengan baik bagi menghasilkan kualiti umat Islam yang cemerlang. Mudah-mudahan media Islam mampu bersaing bersama cabaran dan meningkatkan kekuatan dalam memenangi peperangan siber yang semakin merungsingkan.

---

<sup>32</sup> Sejenak Bersama, *Ummi*, Oktober 1992, hal. 33.